

09/10/2001

Malaysia tidak setuju serangan

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia tidak bersetuju dengan serangan Amerika Syarikat dan Britain terhadap Afghanistan kerana tindakan itu tidak akan dapat menghapuskan pengganas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, kata Perdana Menteri, sekalipun serangan itu memusnahkan Afghanistan, orang yang disyaki pengganas mungkin terlepas kerana mereka bukan rakyat negara itu.

"Mereka adalah rakyat Saudi dan mungkin Mesir... daripada negara-negara Arab yang kaya dan mereka tidak berada di Afghanistan.

"Kalau dimusnahkan Afghanistan sekalipun, orang ini ada di luar dan mereka mungkin mengganas lagi ekoran peperangan ini. Mereka juga akan lebih berkeras dan lebih ramai menyertai golongan ini," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan yang dikemukakan 3beberapa Ahli Parlimen pada sesi soal jawab.

Antaranya, Datuk Ahmad Husni Mohd Hanadzlah (BN-Tambun), yang bertanyakan pendirian Malaysia berhubung serangan Amerika dan sekutunya terhadap Afghanistan malam tadi.

Dalam serangan itu Amerika dan Britain menyerang beberapa sasaran di Kabul, Jalalabad dan Kandahar - kubu kuat Taliban dan kediaman pemimpin kerajaan Islam itu, Mullah Mohammed Omar.

Operasi Enduring Peace itu dilancarkan sebagai tindakan memerangi pengganas menyusul serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon, Washington pada 11 September lalu.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, pengganas yang disyaki melakukan serangan di WTC dan Pentagon mungkin tidak berada di Afghanistan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengulangi saranan Malaysia supaya satu persidangan antarabangsa diadakan untuk memberi takrif sebenar pengganas dan tindakan yang boleh diambil semua negara bagi menanganinya.

"Saya juga dah cakap dengan Presiden Khatami (Iran) dan dia bersetuju dengan penentuan bagi takrif pengganas," katanya.

Perdana Menteri berkata, peperangan secara biasa atau konvensional tidak akan dapat menangani keganasan dan mengalahkan pengganas, sebaliknya hanya mengakibatkan orang yang tidak bersalah menjadi mangsa.

"Jika mereka dibunuh atau ditawan pun, tidak ada jaminan yang orang lain pula tidak akan mengganas selagi sebab untuk mengganas masih ada.

"Sebab itu, Kerajaan Malaysia tidak bersetuju dengan peperangan terhadap negara yang dikatakan melindungi pengganas. Ia akan hanya membawa malapetaka kepada negara berkenaan tanpa berjaya sedikit pun kepada usaha menghapuskan keganasan," katanya.

Pada sidang akhbar di Lobi Parlimen pula, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan mengambil sebarang tindakan untuk menyokong Amerika meneruskan serangan berkenaan.

"Pendirian kita ialah masalah yang menyebabkan mereka mengganas mesti ditangani serta merta," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, Malaysia tidak menganggap serangan Amerika dan sekutunya terhadap Afghanistan sebagai satu serangan terhadap umat Islam keseluruhannya.

"Jika mereka melakukannya, mereka perlu menyerang orang Islam di seluruh dunia. Pendirian mereka ialah mereka menyerang apa yang mereka percaya sebagai pengganas," katanya.

Ditanya apakah beliau bimbang kemungkinan serangan itu mencetuskan

reaksi ganas dalam negara, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak membenarkan sebarang tindakan ganas di negara ini.

"Kalau setakat menyerahkan memorandum dan sebagainya, itu dibenarkan, tetapi lakukanlah secara aman," katanya.

Mengenai laporan Washington yang mengaitkan Osama bin Laden dan pergerakannya, al-Qaeda, dengan serangan 11 September lalu, Perdana Menteri berkata:

"Saya sendiri tak tengok (laporan itu)... cuma Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan dia kata, ada bukti dan saya setuju dengan menteri saya."

Mengenai permintaan Amerika untuk membekukan akaun atau aset Osama dan pihak yang disyaki mempunyai kaitan dengannya di negara ini, Dr Mahathir berkata: "Kita sudah periksa dan tidak ada akaun di sini yang membabitkan Osama dan anggota al-Qaeda."

Di DUBAI, Meor Hisham Zulkifli, melaporkan Syed Hamid menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengadakan sidang tergempar bagi membincangkan isu serangan itu.

"PBB tidak boleh dilihat sebagai satu pertubuhan yang diketepikan berhubung isu ini kerana ia boleh menjejaskan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap badan dunia itu," katanya yang dalam perjalanan menghadiri sidang khas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar, bermula Rabu ini.

Syed Hamid juga berkata, OIC yang pada awalnya merancang membincangkan isu ancaman pengganas dan cara menanganinya, kini perlu membahaskan isu serangan berkenaan secara terperinci.

"Semua negara OIC menentang segala bentuk keganasan sejagat, tetapi sebagai sebuah badan ia tidak dianggap sebagai satu tempat rujukan dan pandangan OIC tidak diambil kira.

"Dengan perkembangan terkini, OIC perlu berusaha menjadi sebuah badan yang bukan saja sebagai kumpulan persidangan, tetapi sebuah pertubuhan yang mempunyai pengaruh dan diiktiraf dunia," katanya.

(END)